

25% warga 65 tahun ke atas alami sakit kronik tahun lalu

SATU dalam empat warga Singapura berusia lebih 65 tahun mengalami penyakit kronik tahun lalu.

Perangkaan yang dikeluarkan semalam berdasarkan tinjauan lebih meluas mengenai warga emas dan keupayaan mereka, dari segi kewangan, bagi menyara hidup di usia senja.

Sementara perbelanjaan bagi penjagaan kesihatan adalah stabil apabila seseorang mengalami penyakit lebih ringan seperti darah tinggi, namun pesakit yang mengalami barah, angin ahmar atau penyakit kronik lain mendapati perbelanjaan mereka melonjak dan kekal tinggi selama beberapa bulan selepas itu.

“Risiko mengalami masalah kesihatan yang mengejutkan adalah lebih ketara apabila rakyat Singapura makin menua, dan ini mempunyai kesan kewangan jangka panjang,” kata Profesor Rhema Vaithianathan, zamil kanan kajian di Pusat bagi Tinjauan mengenai Ekonomi Penuaan (Crea).

Hasil tinjauan itu menggariskan kepentingan Panel Hayat Singapura – sebuah kajian yang dimulakan pada Ogos 2015 untuk menilai persiapan warga Singapura menghadapi persaraan dan hari tua.

Pada 2030, satu daripada empat warga berusia 65 tahun ke atas, berbanding satu daripada lapan masa kini.

“Namun, rakyat yang menua tidak semestinya mewakili bencana – ia hanya tampak begitu jika kesihatan kita merosot selepas usia persaraan ‘tertentu’, dan menghabiskan kebanyakan hari tua dalam

keadaan berpenyakit dan tidak melihatkan diri dalam sebarang kegiatan,” kata Menteri Negara Kanan (Kesihatan) Dr Amy Khor.

Tambah beliau, warga Singapura kini hidup sihat dan bagi tempoh lebih lama.

Usia purata warga hidup dalam keadaan sihat telah meningkat daripada 65.8 tahun pada 1990 kepada 72.3 tahun, bagi lelaki, tahun lalu.

Bagi wanita pula, usia purata telah meningkat daripada 69 tahun kepada 75 tahun.

Perangkaan itu hasil Tinjauan Beban Penyakit Dunia 2015.

Menurut Dr Khor, pemerintah beradang membuat rancangan bagi memenuhi keperluan warga emas di masa depan.

“Kajian adalah penting bagi membantu kami mengubah pengalaman penuaan di Singapura,” katanya.

Kajian Crea di Universiti Pengurusan Singapura (SMU) itu bertujuan mencongak tahap persiapan warga Singapura bagi hari tua dan mengenal pasti golongan yang tidak membuat persiapan.

Hasil kajian itu akan digunakan bagi melakar dasar yang dibentangkan kepada pemerintah.

Kajian itu dibiayai Kementerian Pendidikan menerusi geran \$10 juta.

Dilaksanakan di dalam talian, kajian itu melibatkan lebih 13,000 peserta berusia antara 50 dengan 70 tahun yang diminta menjawab beberapa soalan setiap bulan.

Secara purata, pasukan kajian menerima sekitar 8,000 jawapan setiap bulan.